

15.7.2019

## KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

## KERJA SEMALAMAN UNTUK PELENCONGAN SALURAN PAIP AIR 600MM: GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL 12 JAM DI KAWASAN JALAN KULIM, SEBERANG PRAI TENGAH (SPT)

### Butiran penting:

#### Gangguan bekalan air berjadual semalamam 12 jam

Masa/Hari/Tarikh	Dari 10.00 malam, Jumaat, 19.7.2019 hingga 10.00 pagi, Sabtu, 20.7.2019.
Sebab	Pelencongan saluran paip 600mm MS sedia ada dari tapak kerja saliran baru.
Bil. pengguna yang terjejas	Hampir 6,900 penduduk di Jalan Kulim, SPT, dan kawasan berhampiran.

PULAU PINANG, Isnin (15.7.2019): Perkhidmatan bekalan air untuk kira-kira 6,900 orang di Jalan Kulim, Seberang Prai Tengah (SPT), dan kawasan berdekatan akan terganggu selama 12 jam semalamam, dari 10.00 malam pada 19.7.2019.

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) terpaksa menghenti tugas saluran paip 600mm MS (keluli lembut) sedia ada untuk sementara selama 12 jam.

Henti tugas saluran paip ini akan menyebabkan gangguan bekalan air berjadual yang perlu untuk melaksanakan kerja pelencongan paip.

Kerja pembinaan hartaan sedang dijalankan di Lot 632, 633, 634, 635, 672, 673 dan 674, Seksyen 6, Jalan Kulim. Saluran paip air 600mm sedia ada perlu dialihkan dengan selamat, jauh dari tapak kerja-kerja saliran baru bagi melindungi bekalan air untuk ribuan pengguna di kawasan itu.

Ini adalah langkah pencegahan untuk mengelakkan kejadian seperti paip pecah berikutan kerja pengorekan yang boleh membawa kepada gangguan bekalan air tidak berjadual.



Untuk meminimumkan kesulitan kepada pengguna air terjejas, PBAPP menjadualkan bagi kerja-kerja pelencongan paip dijalankan untuk semalam.

### Kawasan-kawasan Terjejas

Pengguna air di kawasan berikut dinasihatkan untuk menyimpan air mencukupi untuk kegunaan dari **10.00 malam pada hari Jumaat, 19.7.2019, hingga 10.00 pagi, hari Sabtu, 20.7.2019**:

1	<b>Taman Tenteram</b>
2	<b>Taman Bukit Indah</b>
3	<b>Taman Bandaraya</b>
4	<b>Taman Sepakat</b>
5	<b>Taman Perpaduan</b>
6	<b>Taman Tampoi</b>

*Sila rujuk peta pada 'Appendix A' yang memaparkan semua kawasan yang terjejas.*

Harap maklum gangguan bekalan air berjadual ini perlu agar kerja pelencongan saluran paip utama dari tapak kerja saliran baru dilakukan dengan selamat.

PBAPP memohon maaf di atas segala kesulitan yang timbul. Sila simpan air yang mencukupi untuk kegunaan semalam.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

---

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607 Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)



TAMAN  
TENTERAM

600MM PIPELINE  
DIVERSION WORKS

TAMAN  
TAMPOI

JALAN KAMPUNG BARU

TAMAN  
BANDARAYA

TAMAN  
SEPAKAT

JALAN SEPAKAT

TAMAN  
PERPADUAN

JALAN MUHIBBAH

TAMAN  
BUKIT INDAH

JALAN KULIM

JALAN KOLAM

JALAN MUHIBBAH



**PBA**  
Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs

**SCHEDULED WATER SUPPLY  
INTERRUPTION:  
AFFECTED AREAS AT JALAN KULIM,  
SEBERANG PRAI TENGAH (SPT),  
PENANG.**

**10.00pm, Friday, 19.7.2019 to  
10.00am, Saturday, 20.7.2019.**

Affected Areas